

09 JAN 2003

MAHATHIR-BSKL/I

BSKL TIDAK CERMIN PRESTASI SEBENAR SYARIKAT, KATA DR MAHATHIR

Oleh: M. Saraswathi

PUTRAJAYA, 9 Jan (Bernama) -- Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sekarang tidak mencerminkan prestasi sebenar syarikat-syarikat yang disenaraikan di situ, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berpendapat, kebanyakan syarikat itu dinilai terlalu rendah.

Walaupun syarikat-syarikat itu memperlihatkan prestasi yang baik, namun isu kemungkinan tercetusnya perang di Iraq dan laporan yang mengatakan bahawa Malaysia tidak selamat mempengaruhi pemikiran pelabur, kata beliau.

Hari ini, Indeks Komposit (IK) yang mengukur 100 saham berkualiti, ditutup 1.45 mata lebih tinggi pada 626.58 manakala Indeks Emas naik 0.32 mata kepada 153.53.

Dr Mahathir berkata nampaknya pelabur-pelabur tidak berminat terhadap prestasi syarikat-syarikat itu, sebaliknya lebih berminat kepada keuntungan modal yang boleh dimanipulasi dengan mudah.

Jualan singkat merupakan salah satu cara untuk mendapatkan banyak wang melalui keuntungan modal, katanya semasa satu sesi dialog pada Forum Global 2003 bertema: "Bersaing dalam Dunia Globalisasi: Menjadi Peserta Betaraf Dunia", yang berlangsung di sini.

Dr Mahathir diajukan dengan soalan kenapa Malaysia seolah-olah tidak menarik banyak pelaburan langsung asing (FDI) berbanding negara-negara jiran walaupun ia mengamalkan ketelusan dan tadbir urus korporat yang lebih baik.

"Itu soal tanggapan, dan tanggapan mungkin salah jika ia didasarkan kepada maklumat yang salah. Pelabur-pelabur spekulatif tidak suka melihat kemakmuran bertambah, mereka suka melihat pasang surut kerana begitulah caranya keuntungan lebih mudah diraih," katanya.

Ditanya sama ada kawalan modal terpilih dan penetapan ringgit pada dasarnya telah membantu Malaysia bertahan dalam krisis kewangan Asia, Dr Mahathir berkata, langkah-langkah itu sahaja tidak mencukupi kerana negara juga menggunakan strategi-strategi lain.

Ia berbuat demikian dengan memantau semua sektor ekonomi agar perancang-perancang ekonomi negara boleh memperbetulkan keadaan, jika perlu, kata beliau. -- BERNAMA

SM SHY KY JR